



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18/11/2011

Dr M, Abdullah dijangka jadi saksi

Peguam mohon kerjasama jika Liong Sik diarah bela diri kes PKFZ

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi dijangka dipanggil sebagai saksi untuk memberikan keterangan jika bekas Menteri Pengangkutan Tun Dr Ling Liong Sik diperintahkan membela diri atas tuduhan menipu Kabinet berhubung skandal projek pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Peguam bela Liong Sik, Wong Kian Kheong memberitahu Mahkamah Tinggi, semalam, pihaknya bercadang memanggil Najib dan memohon kerjasama pihak pendakwaan untuk menemu-mubual Perdana Menteri sebagai saksi berpotensi kerana beliau pernah memengerusikan satu mesyuarat Kabinet pada 2007 dan 2008 berhubung projek PKFZ.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Kian Kheong berkata, Najib yang pada ketika itu Timbalan Perdana Menteri memengerusikan satu mesyuarat Kabinet pada 27 Jun 2007 dan pada

mesyuarat itu Kabinet meluluskan RM4.6 bilion bagi keseluruhan kos pembelian dan pembangunan tanah untuk projek PKFZ. Daripada jumlah itu, RM1.08 bilion adalah kos pembelian tanah.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Tun Abdul Majid Tun Hamzah yang menutup kes pendakwaan dengan menawarkan 113 saksi kepada pembelaan termasuk Mahathir dan Abdullah, berkata peguam bela perlu mengemukakan permohonan dan terpulang kepada Perdana Menteri sama ada bersetuju untuk ditemubual sebagai saksi.

Selain Mahathir dan Abdullah, Khian Kheong berkata beliau sudah mengenal pasti 10 lagi saksi untuk memberikan keterangan bagi pihak

pembelaan. Mereka adalah anggota Kabinet pada 2002, antaranya Menteri Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok; Pengerusi Tenaga Nasional Bhd, Tan Sri Leo Moggie dan bekas Presiden GERAKAN, Tun Dr Lim Keng Yaik.

Katanya, beliau memerlukan arahan lanjut daripada anak guam untuk senarai saksi lain.

Hakim Datuk Ahmadi Asnawi kemudian menetapkan dua hari bermula 12 Disember depan untuk mendengar hujah kedua-dua pihak sebelum memutuskan sama ada tertuduh perlu membela diri atau dibebaskan.

Liong Sik menghadapi tuduhan menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberi persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah bagi projek PKFZ mengikut terma dipersetujui antara pemilik tanah, Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK).

